BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Ref. No.: 04/07/08

EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan sebelum 2030 pada hari Jumaat, 27 April 2007

Perkembangan Monetari and Kewangan Mac 2007
Kenyataan Utama Siaran Akhbar

- Inflasi menurun dengan ketara kepada 1.5% pada bulan Mac.

- Dengan kadar deposit tetap (fixed deposit, FD) nominal stabil, kadar FD benar nyata lebih tinggi disebabkan penyederhanaan inflasi yang ketara.

- Pada tempoh 1 Mac - 25 April 2007, ringgit menambah nilai berbanding dengan dolar AS (Amerika Syarikat, AS) dan yen Jepun, serta semua mata wang serantau disebabkan aliran masuk bersih perdagangan dan pelaburan yang berterusan.

- Permohonan dan kelulusan pinjaman terus meningkat pada asas tahunan, dengan permohonan dan kelulusan pinjaman perniagaan nyata lebih tinggi pada bulan Mac.

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Ref. No.: 04/07/08

EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan sebelum 2030 pada hari Jumaat, 27 April 2007

PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN MAC 2007

Pembiayaan sektor swasta melalui pinjaman sistem perbankan dan sekuriti hutang swasta (private debt securities, PDS) terkumpul berkembang pada kadar tahunan sebanyak 6.1% pada bulan Mac. Bagi pinjaman sektor perbankan, pertumbuhan jumlah pinjaman terkumpul stabil pada 6.2%. Pinjaman terkumpul bagi sektor perniagaan meningkat 6.3%, manakala pinjaman terkumpul bagi sektor isi rumah berkembang pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 7.8%. Yang penting, permohonan dan kelulusan pinjaman terus meningkat pada asas tahunan, dengan permohonan dan kelulusan pinjaman sektor perniagaan nyata lebih tinggi pada bulan Mac.

Dana kasar yang lebih tinggi pada RM4.2 bilion diperoleh sektor swasta melalui pasaran PDS dan ekuiti pada bulan itu, dengan dana bersih yang diperoleh berjumlah RM1.6 bilion. Sejumlah besar dana itu diperoleh melalui pasaran PDS.

Kadar deposit tetap (fixed deposit, FD) dan juga kadar pinjaman bank perdagangan secara relatif tidak berubah pada bulan Mac dan April. Walau bagaimanapun, kadar FD benar nyata lebih tinggi disebabkan penyederhanaan inflasi yang ketara. Kadar antara bank bagi semua tempoh matang secara relatif terus stabil pada tempoh tersebut.

Pada tempoh 1 Mac - 25 April 2007, ringgit menambah nilai berbanding dengan dolar Amerika Syarikat (AS) dan yen Jepun, serta semua mata wang serantau disebabkan aliran masuk bersih perdagangan dan pelaburan yang berterusan.

Inflasi, seperti yang diukur oleh Indeks Harga Pengguna (IHP), menurun dengan ketara kepada 1.5% pada bulan Mac 2007. Penyederhanaan inflasi disebabkan terutamanya inflasi yang lebih rendah bagi barangan dalam kategori *pengangkutan* dan *perumahan*, *air*, *elektrik*, *gas dan bahan api lain*, berikutan berakhirnya kesan kenaikan harga produk runcit petroleum pada bulan Mac 2006.

Wang secara kecil atau M1 meningkat pada kadar tahunan 17.9% pada bulan Mac, manakala wang secara luas atau M3 berkembang 12.8%. Pada asas bulanan, tuntutan terhadap sektor swasta dan operasi luaran bersih menyumbang secara positif kepada pertumbuhan M3, mengimbangi tuntutan bersih yang lebih rendah terhadap Kerajaan.

Permodalan sistem perbankan terus kukuh dengan nisbah modal wajaran risiko (risk-weighted capital ratio, RWCR) pada 13.1% pada akhir bulan Mac 2007, meskipun terdapat pengagihan keuntungan oleh institusi perbankan. Paras pinjaman tak berbayar (non-performing loans, NPL) menurun lagi, apabila NPL, setelah ditolak peruntukan hutang lapuk, berada pada 4.6% daripada jumlah pinjaman bersih.

Kadar faedah terus stabil

Pada tempoh 1 Mac – 25 April, purata wajaran harian bagi kadar antara bank semalaman bergerak dalam julat yang kecil antara 3.48% - 3.51%. Kadar antara bank bagi tempoh matang lain juga secara relatif terus stabil.

Kadar FD purata bagi bank perdagangan secara relatif terus tidak berubah pada bulan Mac dan April. Pada 15 April 2007, kadar disebut purata FD bagi tempoh pemegangan antara 1 hingga 12 bulan ialah masing-masing 3.10% dan 3.71%. Walau bagaimanapun, kadar FD benar nyata lebih tinggi disebabkan penyederhanaan inflasi yang ketara.

Dari segi kadar pinjaman, kadar pinjaman asas (base lending rate, BLR) purata dan kadar pinjaman purata (average lending rate, ALR) bagi bank perdagangan terus tidak berubah, masing-masing pada 6.72% dan 6.54%.



Kadar antara bank semalaman purata bergerak dalam julat yang kecil



Kadar antara bank lain secara relatif terus stabil



Bank Negara Malaysia menyerap mudah tunai dalam sistem pada bulan Mac



Kadar pinjaman bank perdagangan tidak berubah



Nisbah pembiayaan deposit meningkat sedikit disebabkan peningkatan PDS yang dipegang bank berbanding dengan pertumbuhan deposit



	1 bulan	3 bulan	6 bulan	9 bulan	12 bulan
Feb 07	3.11	3.19	3.34	3.45	3.71
Mac 07	3.10	3.18	3.34	3.45	3.71
15 Apr 07	3.10	3.18	3.33	3.44	3.71

Kadar FD secara relatif tidak berubah



Kadar FD benar nyata lebih tinggi disebabkan penyederhanaan inflasi yang ketara

Ringgit menambah nilai berbanding dengan dolar AS

Pada tempoh 1 Mac – 25 April 2007, ringgit menambah nilai sebanyak 2.5% berbanding dengan dolar AS disebabkan aliran masuk bersih perdagangan dan pelaburan yang berterusan, serta mata wang AS yang semakin lemah. Penyusutan dolar AS ekoran data ekonomi yang lemah dan jangkaan pasaran terhadap kemungkinan penurunan kadar dasar AS. Ringgit turut bertambah nilai berbanding dengan yen Jepun (2.5%), yang menjadi lemah ekoran jangkaan bahawa Bank of Japan akan mengekalkan kadar dasarnya pada paras semasa. Walau bagaimanapun, ringgit menyusut nilai berbanding dengan euro, yang bertambah kukuh kerana data ekonomi yang positif telah mendorong jangkaan pengetatan dasar monetari selanjutnya oleh European Central Bank. Berbanding dengan mata wang serantau pula, ringgit menambah nilai dalam julat 0.1% - 2.2%.



Ringgit menambah nilai berbanding dengan dolar AS



…dan mata wang serantau

Prestasi Ringgit berbanding Mata Wang Terpilih

RM kepada mata wang asing	Akhir tempoh				Perubahan %	
	Dis 05	Feb 07	Mac 07	25 Apr 07	Akhir Dis 05 - 25 Apr 07	Akhir Feb 07 - 25 Apr 07
Dolar AS	3.7800	3.5060	3.4560	3.4205	10.5	2.5
Euro	4.4867	4.6332	4.6105	4.6633	-3.8	-0.6
Paun sterling	6.5226	6.8830	6.7867	6.8528	-4.8	0.4
100 yen Jepun	3.2229	2.9595	2.9339	2.8877	11.6	2.5
Dolar Singapura	2.2714	2.2920	2.2781	2.2627	0.4	1.3
100 baht Thailand	9.2049	9.9012	9.8785	9.8276	-6.3	0.7
100 peso Filipina	7.1254	7.2110	7.1649	7.2041	-1.1	0.1
100 rupiah Indonesia	0.0385	0.0382	0.0379	0.0376	2.2	1.5
100 won Korea	0.3739	0.3728	0.3674	0.3691	1.3	1.0
Renminbi China	0.4686	0.4531	0.4471	0.4431	5.7	2.2

Inflasi menurun dengan ketara kepada 1.5% pada bulan Mac

Inflasi, seperti yang diukur oleh Indeks Harga Pengguna, menurun dengan ketara kepada 1.5% pada bulan Mac (Februari: 3.1%). Penyederhanaan inflasi disebabkan terutamanya inflasi yang lebih rendah bagi barangan dalam kategori *pengangkutan* dan *perumahan*, *air*, *elektrik*, *gas dan bahan api lain*, berikutan berakhirnya kesan kenaikan harga produk runcit petroleum pada bulan Mac 2006. Kadar inflasi bagi *makanan dan minuman bukan alkohol* lebih rendah disebabkan terutamanya penyederhanaan kadar inflasi bagi *makanan di luar rumah* kepada 3.1% pada bulan Mac, daripada 3.4% pada bulan Februari. Sementara itu, harga barangan dalam kategori *pakaian dan kasut* dan *komunikasi* terus menurun.



Inflasi menurun kepada 1.5% pada bulan Mac

Kadar kenaikan harga pengeluar menjadi sederhana pada bulan Februari

Kadar kenaikan Indeks Harga Pengeluar (IHPR) menjadi sederhana kepada 4.2% pada bulan Februari (Januari: 4.9%). Kenaikan IHPR yang lebih perlahan disebabkan terutamanya inflasi yang lebih rendah dalam kategori yang tidak berkaitan komoditi, khususnya kategori jentera dan kelengkapan pengangkutan. Walau bagaimanapun, kadar inflasi bagi barangan dalam kategori berkaitan komoditi adalah lebih tinggi disebabkan terutamanya harga minyak metah dan getah yang lebih tinggi pada bulan itu.



Kadar kenaikan IHPR menjadi sederhana pada bulan Februari

Pertumbuhan monetari berterusan

Wang secara kecil atau M1 meningkat pada kadar tahunan sebanyak 17.9% pada bulan Mac (Februari: 17.4%), manakala wang secara luas atau M3 berkembang 12.8% (Februari: 13.9%). Pada asas bulanan, tuntutan terhadap sektor swasta dan operasi luaran bersih menyumbang secara positif kepada pertumbuhan M3. Tuntutan yang lebih tinggi terhadap sektor swasta mencerminkan peningkatan pinjaman terkumpul dan pemegangan sekuriti oleh sektor perbankan. Sebaliknya, tuntutan bersih terhadap Kerajaan lebih rendah, disebabkan Kerajaan mendepositkan perolehan daripada terbitan Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Securities, MGS) dan Terbitan Pelaburan Kerajaan (Government Investment Issues, GII) dalam Bank Negara Malaysia.

Penentu-Penentu M3
(RM bilion)

	Perubahan pada tempoh			
	Dis 06	**Jan 07**	**Feb 07**	**Mac 07**
M3	21.2	14.1	9.9	-2.5
Tuntutan bersih ke atas Kerajaan	10.8	5.3	-1.8	-2.7
Tuntutan ke atas sektor swasta	5.3	-2.0	2.5	5.1
Pinjaman	*4.2*	*2.7*	*2.1*	*3.3*
Sekuriti	*1.1*	*-4.7*	*0.3*	*1.8*
Operasi luar bersih *	9.2	12.4	20.3	4.6
Pengaruh lain	-4.0	-1.6	-11.1	-9.5

* Sebelum penilaian semula



Pertumbuhan M3 menjadi sederhana sedikit.

Deposit sistem perbankan meningkat pada bulan Mac

Jumlah deposit sistem perbankan meningkat sebanyak RM3.8 bilion pada bulan Mac (Februari: RM9.1 bilion), atau pada kadar tahunan sebanyak 18% (Februari: 19%). Peningkatan itu terutamanya mencerminkan penempatan deposit yang lebih tinggi oleh institusi kewangan dan sebahagiannya oleh individu dan Kerajaan Negeri. Deposit oleh perusahaan perniagaan lebih rendah disebabkan pengeluaran deposit oleh perusahaan awam bukan kewangan. Mengikut jenis deposit, peningkatan deposit terutamanya adalah dalam bentuk perjanjian belian balik dan deposit perbankan Islam.

Deposit mengikut Penyimpan
(RM juta)

	Perubahan pada tempoh			
	Dis 06	**Jan 07**	**Feb 07**	**Mac 07**
Kerajaan Persekutuan	936	-528	68	-24
Kerajaan Negeri	392	-46	132	993
Badan Berkanun [1]	-889	47	106	653
Institusi Kewangan	17,375	1,620	1,334	6,699
Perusahaan Perniagaan	10,093	15,685	2,497	-7,391
Individu	4,174	2,391	4,494	1,927
Lain-lain [2]	191	1,018	511	945
Jumlah	32,272	20,188	9,142	3,803

1/ Termasuk Kerajaan tempatan

2/ Termasuk lain-lain entiti tempatan dan entiti bukan bank asing

Deposit mengikut Jenis
(RM juta)

	Perubahan pada tempoh			
	Dis 06	**Jan 07**	**Feb 07**	**Mac 07**
Deposit tetap	9,572	5,666	5,227	-366
NID	8,083	11,107	-5,071	-4,155
Deposit permintaan	1,564	4,194	3,078	-3,849
Deposit tabungan	1,492	766	1,661	-135
Perjanjian beli balik (Repo)	4,803	-2,752	1,640	6,485
Deposit mata wang asing	1,496	289	-1,174	690
Deposit SPI	3,421	-418	557	2,227
Lain-lain	1,840	1,335	3,224	2,905
Jumlah	32,272	20,188	9,142	3,803

Pembiayaan kasar sektor swasta lebih tinggi

Pembiayaan kasar sektor swasta meningkat sebanyak RM47.1 bilion pada bulan Mac (Februari: RM39.2 bilion). Peningkatan ini disokong oleh pengeluaran pinjaman yang lebih tinggi dan terbitan baharu PDS. Pada asas bersih, pembiayaan sektor swasta melalui pinjaman sistem perbankan dan PDS terkumpul berkembang pada kadar tahunan sebanyak 6.1% (Februari: 6.2%).



Pembiayaan kasar sektor swasta meningkat pada bulan Mac



Penunjuk pinjaman utama lebih tinggi pada asas bulanan

Penunjuk Pinjaman Bank

	RM bilion		Pertumbuhan Tahunan (%)	
	Feb	Mar	Feb	Mar
Jumlah				
Permohonan pinjaman	22.5	33.6	3.0	19.0
Kelulusan pinjaman	14.3	22.4	4.2	26.7
Pengeluaran pinjaman	38.6	43.9	-2.0	-3.9
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	2.8	2.8	6.2	6.2
Perusahaan perniagaan[2/]				
Permohonan pinjaman	11.8	19.3	-1.8	26.7
Kelulusan pinjaman	7.4	13.9	0.7	60.4
Pengeluaran pinjaman	26.6	30.3	-6.1	-5.8
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	1.0	1.9	5.0	6.3
PKS				
Permohonan pinjaman	5.8	7.2	t.b[3/]	t.b.[3/]
Kelulusan pinjaman	3.2	4.1	t.b.	t.b.
Pengeluaran pinjaman	9.6	12.0	t.b.	t.b.
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	-0.1	3.0	t.b.	t.b.
Isi rumah				
Permohonan pinjaman	10.7	14.3	8.8	10.0
Kelulusan pinjaman	6.9	8.4	8.2	-6.0
Pengeluaran pinjaman	12.0	13.6	8.5	0.5
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	0.9	1.2	8.4	7.8

t.b. tidak berkenaan

[1/] Pertumbuhan tahunan adalah jumlah terkumpul pada akhir tempoh.

[2/] Berikutan pengelasan baru sistem statistik institusi kewangan (FISS) berkuatkuasa April 2006, dan bagi memastikan perbandingan kadar tahunan dapat dilaksanakan bagi permohonan, kelulusan, dan bayaran balik pinjaman, kategori bagi perusahaan perniagaan telah diperluaskan dengan merangkumi pinjaman kepada pelanggan lain iaitu institusi kewangan bukan bank, Kerajaan, entiti bukan perusahaan perniagaan milik tempatan serta entiti asing. Pinjaman ini mencakupi sebahagian kecil berbanding pinjaman kepada perusahaan perniagaan. Arah aliran kadar pertumbuhan masih sama seperti sebelum perluasan kategori tersebut.

[3/] Bermula pada bulan Mac 2006, pertumbuhan tahunan tidak berkenaan disebabkan terdapat pengelasan semula antara PKS dan perusahaan besar berikutan penerimaan pakai definisi standard PKS seperti yang diluluskan oleh Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan.

Permohonan dan kelulusan pinjaman terus meningkat pada asas tahunan



Pengeluaran pinjaman terus menyeluruh

Semua penunjuk pinjaman utama lebih tinggi pada asas bulanan selepas mengalami paras lebih rendah yang bermusim pada bulan Februari. Pada asas tahunan, permohonan dan kelulusan pinjaman terus meningkat dengan permohonan dan kelulusan pinjaman sektor perniagaan nyata lebih tinggi.

Jumlah pinjaman terkumpul meningkat pada kadar tahunan 6.2% pada akhir bulan Mac (akhir bulan Februari: 6.2%). Pinjaman terkumpul bagi sektor perniagaan meningkat 6.3% (Februari: 5%), manakala pinjaman terkumpul bagi sektor isi rumah berkembang pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 7.8% (Februari: 8.4%).

Dana bersih yang diperoleh dalam pasaran modal berkurang

Jumlah dana bersih yang diperoleh dalam pasaran modal lebih rendah pada bulan Mac pada RM2.9 bilion (Februari: RM3.7 bilion). Dana kasar yang diperoleh sektor swasta melalui pasaran PDS dan ekuiti berjumlah RM4.2 bilion pada bulan itu, dengan dana bersih yang diperoleh berjumlah RM1.6 bilion. Dana kasar yang diperoleh sektor awam melalui terbitan 3-tahun MGS dan GII berjumlah RM7.1 bilion. Walau bagaimanapun, selepas pelarasan bagi penebusan, dana bersih yang diperoleh berjumlah RM1.3 bilion pada bulan Mac (Februari: RM3 bilion).



KLCI bertambah kukuh

KLCI ditutup lebih kukuh pada bulan Mac pada 1,246.87 mata atau 4.2% lebih tinggi berbanding dengan pada akhir bulan Februari. Permodalan pasaran meningkat kepada RM985.1 bilion (+4.4% semenjak akhir bulan Februari), manakala urus niaga purata harian menurun kepada 1,980.9 juta unit (Februari: 2,866.6 juta unit).



KLCI pulih dengan ketara

Pada 25 April 2007, KLCI ditutup lebih tinggi pada 1,315.97 mata (+5.5% semenjak akhir bulan Mac). Permodalan pasaran keseluruhan lebih tinggi pada RM1,048.7 bilion (+6.5% semenjak pada akhir bulan Mac), manakala aktiviti dagangan lebih rendah dengan urus niaga purata harian pada 1,899.3 juta unit.

Rizab antarabangsa

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia berjumlah RM305.9 bilion atau bersamaan USD88.6 bilion pada 30 Mac 2007. Paras rizab pada 30 Mac 2007 telah mengambil kira pengurangan rizab berikutan penilaian semula mata wang pada suku tahunan, berikutan pengukuhan ringgit berbanding dengan mata wang utama pada suku pertama. Rizab meningkat lagi kepada RM309.2 bilion atau bersamaan dengan USD89.5 bilion pada 13 April 2007. Kedudukan rizab memadai untuk membiayai 8.2 bulan import tertangguh dan ialah 9.1 kali hutang luar negeri jangka pendek.



Paras permodalan mampan dalam keadaan penurunan pinjaman tak berbayar

Permodalan sistem perbankan terus kukuh dengan RWCR dan nisbah modal teras masing-masing pada 13.1% and 10.4% pada akhir bulan Mac 2007, meskipun terdapat pengagihan keuntungan oleh institusi perbankan. Sementara itu, paras NPL menurun, apabila NPL, setelah ditolak peruntukan hutang lapuk, berada pada 4.6% daripada jumlah pinjaman bersih.

Penunjuk Keadaan Sistem Perbankan *

	Pada akhir tempoh										
	1999	2000	2001	2002	2003	2004	2005	2006	Jan 07	Feb 07	Mac 07
Modal (%)											
Nisbah modal teras	10.1	10.7	11.1	11.1	11.1	11.4	10.7	10.3	10.6	10.7	10.4
RWCR	12.5	12.5	13.0	13.2	13.8	14.4	13.7	13.1	13.3	13.4	13.1
NPL bersih (klasifikasi 3 bulan)											
% jumlah pinjaman bersih	11.0	9.7	11.5	10.2	8.9	7.5	5.8	4.8	4.6	4.7	4.6
Jumlah (RM juta)	40,631	37,678	46,254	43,110	40,013	36,668	31,332	27,360	26,592	26,940	26,420
Peruntukan am/Jumlah pinjaman bersih (3 bulan, %)	2.2	2.2	2.1	2.1	2.0	1.9	1.8	1.7	1.7	1.7	1.7

* Mulai Jun 1999, jadual ini termasuk bank-bank Islam.
* Mulai April 2005, pengiraan RWCR dan nisbah modal teras merangkumi faktor risiko pasaran.

Penunjuk Kekukuhan Modal



Permodalan sistem perbankan terus kukuh …

Sistem Perbankan: NPL Bersih dan Peruntukan Am



* berdasarkan klasifikasi 3 bulan

…dalam keadaan paras NPL yang terus menurun

Bank Negara Malaysia
27 April 2007

Perangkaan Utama Monetari dan Kewangan

		Jan 07		Feb 07		Mac 07	
		Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan	Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan	Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan
		(RM b)	(%)	(RM b)	(%)	(RM b)	(%)
Agregat Monetari							
Wang rizab		58.9	-2.7	59.5	8.5	58.7	8.5
M1		144.1	9.2	149.0	17.4	144.3	17.9
M2		733.9	16.4	742.5	16.8	738.4	16.0
M3		763.8	13.4	773.7	13.9	771.2	12.8
Sistem Perbankan							
Jumlah deposit		828.9	19.9	838.0	19.0	841.8	18.0
Jumlah pinjaman (termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas)		595.9	6.4	598.8	6.2	601.5	6.2
Nisbah pinjaman-deposit (%)		69.5		69.2		68.9	
Nisbah pembiayaan-deposit [1] (%)		77.4		76.9		77.1	
Pinjaman yang dipohon (pada tempoh berkenaan)		27.3	39.0	22.5	3.0	33.6	19.0
Pinjaman yang diluluskan (pada tempoh berkenaan)		16.4	17.8	14.3	4.2	22.4	26.7
Pinjaman yang dikeluarkan (pada tempoh berkenaan)		46.8	7.1	38.6	-2.0	43.9	-3.9
Pinjaman yang dibayar balik (pada tempoh berkenaan)		42.7	2.2	35.7	-0.5	39.6	-5.0
Keadaan Sistem Perbankan							
Nisbah Modal Wajaran Risiko (RWCR) (%)		13.3		13.4		13.1	
NPL bersih: Klasifikasi 6 bulan (%)		4.6		4.7		4.6	
Rizab Antarabangsa BNM (akhir tempoh)							
Rizab dalam RM bilion		294.1		306.0		305.9	
Rizab dalam Dolar AS bilion (bersamaan)		83.5		86.9		88.6	
Bilangan bulan import tertangguh		7.9		8.2		8.1	
Kadar Faedah pada akhir tempoh [purata bagi bulan]							
Kadar Dasar Semalaman (OPR)		3.50		3.50		3.50	
Antarabank:	Semalaman	3.50 [3.50]		3.49 [3.50]		3.50 [3.50]	
	Seminggu	3.52 [3.52]		3.51 [3.52]		3.52 [3.52]	
	1 bulan	3.56 [3.56]		3.55 [3.55]		3.56 [3.55]	
Deposit tetap bank perdagangan:	1 bulan	3.11		3.11		3.10	
	3 bulan	3.19		3.19		3.18	
BLR bank perdagangan		6.72		6.72		6.72	
ALR bank perdagangan		6.57		6.54		6.54	
Harga							
Indeks Harga Pengguna (IHP) (2005=100)		105.1	3.2	105.1	3.1	105.0	1.5
Indeks Harga Pengeluar (IHPR) (2000=100)		129.2	4.9	129.9	4.2	t.d.	t.d.
Kadar Pertukaran Ringgit berbanding Mata Wang Terpilih (akhir tempoh)							
Dolar AS		3.5015		3.5060		3.4575	
Euro		4.5388		4.6332		4.6031	
Paun Sterling		6.8755		6.8830		6.7675	
100 Yen Jepun		2.8808		2.9595		2.9287	
Dolar Singapura		2.2784		2.2920		2.2797	
100 Baht Thailand		9.7780		9.9012		9.8786	
100 Peso Filipina		7.1642		7.2110		7.1614	
100 Rupiah Indonesia		0.0385		0.0382		0.0379	
100 Won Korea		0.3717		0.3728		0.3675	
Pasaran Modal							
Dana bersih (RM b) yang diperoleh sektor:	awam	3.2		3.0		1.3	
	swasta	-0.4		0.8		1.6	
Indeks Komposit Bursa Malaysia (akhir tempoh)		1,189.4		1,196.5		1,246.9	
Permodalan Pasaran Bursa Malaysia (RM b) (akhir tempoh)		920.8		943.4		985.1	

[1] Merujuk kepada nisbah pinjaman dan pegangan sekuriti hutang swasta (PDS) oleh sistem perbankan atas deposit sistem perbankan.